



JUHAR (kanan) menyampaikan sumbangan hari raya kepada salah seorang penerima.

Juhar, Norlidah hadiri Majlis Iftar Ramadan UMS

UB 31.7.13 A7

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin dan isteri Toh Puan Norlidah RM Jasni menghadiri Majlis Iftar Ramadan Universiti Malaysia Sabah (UMS), petang kelmarin.

Pada majlis itu, Juhar yang juga Canselor UMS menyaksikan penyerahan wang zakat berjumlah RM13 ribu daripada Pusat Zakat Negeri Sabah kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Juhar dan Norlidah turut menyampaikan sumbangan berupa duit raya kepada 39 pelajar Sekolah Menengah Agama Kota Kinabalu dan 31 warga kerja serta pelajar UMS pula menerima wang zakat.

Hadir sama, ahli-ahli Lembaga Pengarah UMS serta mahasiswa dan mahasiswi universiti itu.